Soalnya, bagaimana boleh berlaku adanya rakyat Malaysia yang "buta sejarah" ini?. Jawapannya ialah kesilapan yang dilakukan oleh Kerajaan sendiri. Kita orang Melayu, Menteri-Menteri Melayu terlalu nak "menjaga hati dan perasaan" kaum lain dinegara ini. Tak cukup dengan memberi kerusi-kerusi yang majoriti Melayu kepada yang bukan Melayu untuk bertanding dalam pilihanraya, kita juga "menyembunyikan" fakta sejarah dari diketahui oleh generasi muda rakyat Malaysia. Mereka yang dikatakan "pembuat dasar" dikementerian pelajaran tidak mahu memasukkan fakta sejarah yang kononnya sensitif dan boleh menyinggung perasaan bangsa lain yang bukan Melayu. Contohnya, peristiwa 13 Mei. Akibatnya generasi baru rakyat Malaysia "buta sejarah". Manakala dalam hal-hal yang menyentuh keistimewaan orang-orang Melayu, orang bukan Melayu dengan lantang bersuara melahirkan rasa tidak senang mereka. Jadi, kita orang Melayu terlalu banyak memberi. Setiap kali menjelang pilihanraya ada-ada saja ugutan dan desakan yang dibuat oleh orang bukan Melayu, dan kita misti akan mengalah, kononnya takut hilang undi, sedangkan orang Melayulah yang selama ini memberi kemenangan kepada calon-calon bukan Melayu. Orang UMNOlah yang bertungkus lumus bekerja untuk kemenangan mereka. PRU 12 yang lalu membuktikan orang bukan Melayu tidak menyokong BN. Sebab itu BN kalah di Pulau Pinang, Perak, Kedah, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Justeru itu, sudah sampai masanya dasar yang tidak betul ini dikaji semula. Sejarah mistilah diajar dan dititik

beratkan disekolah rendah dan menengah. Dan sejarah hendaklah didedahkan tanpa takut-takut. Sejarah tetap sejarah. Jangan jadi Singapura yang memutar belitkan dan menukar sejarah sehingga orang Melayu Singapura tidak pernah dengar pun nama "Temasik" dan tidak lama lagi mereka tidak akan tahu bagaimana Singapura menumpang kemerdekaan melalui Gagasan Malaysia.

Sekian dan wassalam.

austozi's Gravatar austoz

June 4, 2009 at 4:14 pm | Permalink

Betul kata Tun, orang Melayu telah memperjuangkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu di bawah kepimpinan UMNO sebelum Chin Peng.

Cuma UMNO yang berjuang bukan UMNO baru yang ada sekarang. Prinsip UMNO yang memperjuangkan kemerdekaan sudahpun disisihkan apabila UMNO baru ditubuhkan pada akhir tahun 1980-an. Tun sepatutnya menyatakan fakta ini sejelas-jelasnya.

UMNO baru memperjuangkan kepentingan segelintir orang yang hanya mementingkan diri sendiri demi wang dan kuasa. UMNO baru tidak faham akan semangat kemerdekaan.

Kepada orang-orang Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu, saya menyampaikan penghormatan yang tertinggi, tetapi saya langsung tidak menghormati UMNO yang wujud pada hari ini. UMNO (baru) yang ada di Malaysia pada hari ini tidak ada kena-mengena apa-apa pun dengan perjuangan yang memerdekakan Tanah Melayu.

Saya tidak memperlekeh sesiapa pun.

ZINNZAIN's Gravatar ZINNZAIN

June 4, 2009 at 3:51 pm | Permalink

YAB Tun,

Assalamualaikum, Selamat Sejahtera dan Selamat Petang.

Minta izin Tun,

Saya dilahirkan semasa zaman darurat, yakni semasa zaman komunis mengganas.

Betapa seksanya hidup di waktu itu. Saya masih ingat lagi ayah saya yang ketika itu seorang penoreh getah, terpaksa menjadi 'Home Guard' dan turut mengawal keselamatan di kawasan kampung dan pekan. Setiap kali tiba giliran ayah saya berkawal, kami tidak tahu sama ada ayah akan pulang hidup atau sebaliknya.

Hidup kami menderita kerana setiap kali ayah menjadi pengawal, ayah dan ibu tidak dapat menoreh getah. Ibu tak berani menoreh sendiri kerana takut dikacau komunis. Ini menjejaskan pendapatan keluarga, yang memang ketika itu susah.

Kehidupan masa itu memang sengsara kerana beras pun dicatu. Ayah membeli beras menggunakan kupon dan dihadkan kepada beberapa 'kati' saja setiap keluarga. Pendek kata, hidup ketika itu memang sengsara dan sentiasa didalam ketakutan. Bas awam pun dibakar....

Jadi, kepada anak anak dan adek adek yang tidak menempuhi zaman susah, sengsara dan ketakutan angkara tindak tanduk komunis yang diketuai oleh seorang yang bernama 'CHIN PENG', janganlah cuba untuk membelakangkan sejarah kerana banyak luka lama yang masih berdarah.

YAB Tun, terima kasih kerana berkongsi pengalaman dan memberi ingatan dan pembelajaran sejarah kepada mereka yang mungkin tidak didedahkan kepada perkara sebegini sebelum ini.

Semoga ALLAH SWT sentiasa mencucuri rahmat dan dipanjangkan umur kepada YAB Tun dan Tun Siti Hasmah.

Warongkopi56's Gravatar Warongkopi56

June 4, 2009 at 3:35 pm | Permalink

Assalamua'laikum Tun,

Akhirnya Tun pilih juga tajuk berkaitan Chin Peng. Sememangnya Tun pemimpin yang terbaik untuk memperjelaskan isu isu Chin Peng ini. Kenapa saya berpendapat demikian, kerana apabila PKM dibawah pimpinan Chin Peng mengambil keputusan meletak senjata pada 1989, Tun ketika itu adalah Perdana Menteri Malaysia dan saya percaya segala maklumat termasuk isi kandungan perjanjian dibawa kepengetahuan Tun. Saya berharap Tun lebih terprincikan topik ini agar semua rakyat tidak akan diputar belitkan oleh "cerdik pandai."

Bagi saya penglibatan Chin Peng ini, saya taril sedikit kepada sejarah Negeri China. Terjadi dua insiden peperangan china dan jepun yang dikenali sebagai Sino-Japanese War dan takala itu juga pihak British yang berdagang disana telah mengeksplotasikan keadaan itu dan membawa orang cina ini untuk bekerja di Tanah Melayu.

Apabila tercetus Peperangan Dunia Kedua sekali lagi pihak British memberi restu kepada PKM (walau pun ketika itu bukan Chin Peng pemimpinnya) untuk bergerak menentang Jepun dengan mengambil kira apa yang telah

berlaku dinegeri ibunda mereka. Persoalannya kenapa PKM ini tidak diserap sebagai tentera British dan kenapa memberi satu entity lain kepada PKM? Inilah "political game" pihak British yang impaknya belum bernoktah dinegara tercinta Malaysia.

PKM ini umpama parti pembangkang sekaranglah, menang sedikit sudah mimpi nak memimpin negara. Bila tak dapat huru hara negara macam gambar Tamil Box Office Astro.

Harap Tun dapat perjelaskan lagi dan perbezaan seorang patriot dan pemberontak.

wasalam

warongkopi56

pakpandir08's Gravatar pakpandir08

June 4, 2009 at 3:32 pm | Permalink

sekali lagi Tun cuba mengeruhkan keharmonian di negara ini dengan sengaja menyemarak kebencian di antara kaum

...

komunis hanyalah sejenis ideologi yg disanjung oleh sesetengah orang kerana mereka menganggap ia dapat membantu masyarakat mereka ... dan ideologi ini sebenarnya tidak berkaitan dengan isu kaum ...

malangnya Tun cuba menanam persefahaman bahawa orang Cina di negara ini semuanya komunis ... entahlah kenapa sampai hari ini, Tun masih suka menggunakan taktik untuk menakut-nakutkan pihak sendiri bahawa pihak lain sentiasa berhasrat untuk mengancam pihaknya ...

biarlah mahkamah yg membuat keputusan untuk isu kepulangan Chin Peng, dan bukannya ahli politik yg mempergunakan isu ini dengan tujuan mengaut modal politik ...

sekiranya Tun benci sangat dengan orang Cina yg bersefahaman dengan ideologi komunis, sepatutnya Tun menelefon Perdana Menteri agar segera pulang ke negara, kerana beliau sekarang ini menjejak langkah ke tanah besar republik China yg merupakan negara Komunis terbesar, untuk rawatan rasmi ...

selain itu, entah kenapa Tun mengagung-ngagungkan prinsip siapa dahulu yang bersifat takut kalah ... dah lama kita merdeka dan biarlah rakyat berganding bahu untuk menuju ke mercu kecemerlangan, dan bukannya bergaduh sesama sendiri tengok siapa lebih berjasa ...

sekiranya semua orang bersifat seperti Tun, keadaan ini bakal berlaku ... Orang Amerika akan mengamuk dan berkata .... sebenarnya Amerika yg merupakan tokoh kemerdekaan Malaysia. Kerana sekiranya bukan bom atom yg dilepaskan Amerika ke Jepun, maka negara ini sampai hari ini masih dijajah oleh Jepun ....

jikalau mengikuti teori seperti keadaan di atas ... logiknya betul juga ... tetapi adakah ia memang benar? sudah pastinya tidak ...

bertaubatlah dan berusaha memelihara masyarakat penyayang di negara ini, dan bukannya sering mengungkitkan isu perkauman ... tak baik oh ....

Mis\_bah's Gravatar Mis\_bah

June 4, 2009 at 3:27 pm | Permalink

Assalamu Alaikum Tun,

Saya memang bimbang dengan perpaduan Melayu hari ini. Yang ketara mereka sudah berpecah tiga.

Pecahan-pecahan kecil lagi banyak. Jika Melayu sendiri tidak dapat mengawal diri dan menjaga kepentingan mereka sendiri pasti mereka akan lemah dan mudah diperkotak katikan. Maka adalah pihak bukan Melayu akan ambil kesempatan. Jika orang Melayu tidak berhati-hati, mereka akan meremapt di negara sendiri. Nak merasa hidup di bawah telunjuk orang lain? Kalau belum pasti jawapnya, pelajari kepedihan hidup nenek moyang kita diperintah jepun. Dan terpenting sekali baca sejarah kekejaman Chin Peng kepada orang Melayu. Itu baru mentadbir 13 hari. Bayangkan kalau 13 kurun. Di mana orang Melayu ketika itu?

sweetymya's Gravatar sweetymya

June 4, 2009 at 3:25 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Oh I love reading your thoughts.

We don't need Chin Peng even to bring him back. Luka tetap meninggalkan bekas. Dan tidak perlu terus memperlekeh negara dengan isu beliau. Sejarah untuk diteladani dan disempadani agar dapat mempertahankan Melayu; bangsa dan bahasanya. Sekian.

aboriginal's Gravatar aboriginal

June 4, 2009 at 3:17 pm | Permalink

Hidup Tun!!..

Tun lah Negarawan Bangsa dan Negarawan Malaysia yang paling unggul. Ya Allah rahmati lah bekas pemimpin Malaysia yang banyak berjasa ini. Semoga hidup Tun sentiasa diberkati dan di naungi dengan rahmat Allah sentiasa. Amin.

Tun, saya tau ada orang bila membaca doa saya pada Tun, hati mereka berkata ” Ah, orang fasih berdoa... jangan kata nak makhbul, sampai pun tidak” cuma kerana bagi mereka, Tun la punca penyebab negara kita lebih kepada mhar's Gravatar mhar

June 4, 2009 at 2:49 pm | Permalink

Assalamualaikum YAB Tun Dr Mahathir & Family.

Terima kasih kerana memberi penjelasan yang cukup bermakna tun..

kalau tak diorang count yang melaka tuu chin peng yang jumpa kot bukan parameswara.

Adliayob's Gravatar Adliayob

June 4, 2009 at 2:48 pm | Permalink

Cerita dia mudah Tun, mereka termakan cakap-cakap ‘komunis pun boleh jadi negara maju’. Satu contoh yang biasa digunakan adalah NEGARA CHINA. Dalam mazhab politik, mungkin komunisme sesuai untuk China, tetapi bukan di negara ini.

Memang kebelakangan ini banyak cakap-cakap yang menidakkan mazhab ‘demokrasi’ yang kita ambil sebagai tulang-belakang politik negara kita. Semua ini saya istilahkan sebagai ‘cabaran luar’ yang cuba menyerap masuk ke dalam sistem negara kita. Yang termakan dakyah ini biasanya mereka yang tidak matang berpolitik dan ‘golongan atas pagar’ dan ‘lalang’. Ini adalah senario biasa untuk kematangan sebuah negara Tun. Apatah lagi negara kita nih baru jer 50 tahun lebih. Belum 100 tahun lagi.

Bagi saya, yang lebih penting adalah ‘nasionalisme’ yang akhirnya menciptakan seorang ‘statesman’ seperti Tun. Semangat ‘mendahului negara dan bangsa melebihi diri sendiri’ macam tidak wujud dalam kamus pemimpin kita sekarang ni Tun. Semuanya ‘olok-olok’ dan tidak ‘original’.

Mungkin mereka masih leka dan tidak mempercayai langsung gerakan-gerakan (secret society) dunia seperti ‘Black Brotherhood’, ‘Knights Templar’, ‘Rockafella’, ‘Freemason’ dan ‘Illuminati’. Hanya setelah terhantuk baru hendak mengadiah.

Agaknya lah...

<http://www.symbianku.com>

pelangi butler's Gravatar pelangi butler

June 4, 2009 at 2:42 pm | Permalink

salam YAB Tun berdua dan seisi keluarga....

tepat dan padat, penjelasan simple dari Tun, pemimpin kita....,

kepada orang Melayu yang berkenaan....,

“jangan nila setitik rosak susu sebelanga”

i) kemelut melanda kepimpinan UMNO sekarang tidak boleh merubah sejarah perjuangan UMNO pra-kemerdekaan, demi orang Melayu, rakyat berbilang bangsa dan negara amnya.

ii) kebijaksanaan kepimpinan Parti Perikatan, yang terdiri daripada pemimpin2 Melayu (Datuk Onn, Tungku, Tun Razak, tun Mahathir, dll), pemimpin2 Cina (Tun Tan Cheng Loke, termasuk pemuda Cina Tun HS Lee, dll) dan pemimpin2 India (Tun Sambanthan, Dt. seri Seenavasagam, dll) – yang telah bersepakat menaikkan mertabat kaum diMalaya, memperlambangkan Demokrasi jagat – telah membuka mata British dan Westerners lalu dengan kepintaran dan usaha gigih dan bersemangat waja-jati, DEMI MARUAH, telah MERDEKA = MALAYA.

–Ini tidak boleh dinafikan–

iii) Atas usaha pemimpin UMNO yang disokong oleh kepimpinan dan pengikut MCA dan MIC–negara merdeka tanpa pertumpahan darah dan telah terbukti suatu ‘Kejayaan Mutlak’.

Lantas, merdeka dan berkembang biak kemakmuran negara...dan sehingga kini...,rakyat bebas bersuara – sehingga mereka yang dianggap pembunuh dan penderhaka...bisa berlagak dan mengatakan hak mereka pada perjuangan dan kemakmuran yang dikecapi...

....Bayangkannnnn.....,

Komunis berjaya tawan negara dari British...

Yang bersama mereka akan angkuh bebas bermaharajalela...ntah2 bini dan gundek raja dah jadi milik mereka...,

sehingga orang Melayu Fasa II akan bangkit melawan dalam gelap....dan kalah , syahid! mati tanpa kubur!...ntah!!

British mungkin akan serang dan tawan balik akhirnya....ntah2 Chin Peng dan kuncu2 dah lama kena tembak!

Negara mungkin selepas itu dapat merdeka jugak...tapi lambat sikit Kot!...  
Mana daknya, sementara Komunis nak menang – ntah berapa lama berlawan, brapa yang mati, brapa yang hancur dan ranap..  
Sementara tunggu British lawan dan tawan balik, ntah brapa tahun....  
Ntah2 raja pun dah takdak, pemimpin2 UMNO, MCA dan MIC dah ditembak komunis terlebih dahulu....  
Sementara pertubuhan baru terbit, negara di susun dari ranap....agak saya, congak2, ntah2 selepas 30 tahun...Mungkin kita merdeka tahun 1987...he..he..he...  
Kalau itulah yang berlaku...tak nampak lagilah menara kuala lumpur, KLCC Twin Tower ke., sekolah2 tinggi...  
Ntah2 kita lebih mundur daripada Myanmar (yalah 30 tahun tu 1 1/2 generasi)..  
.....Renung2 kan lah ...buat mereka yang mempertahankan kan orang yang sepatutnya dah lama tiada...dan tak dengar dan engkar cakap pemimpin kita ni....  
maaf Tun kira ada yang tak tepat....falsafah dan pendapat saya yang rendah ini, itu saja...  
terima kasih dan Wassalammu...  
E1.  
adila's Gravatar adila  
June 4, 2009 at 2:40 pm | Permalink

Salam Tun,  
sy sependapat dengan saudara mfaiz, memang sesuatu perlu dilakukan dengan orang-orang Melayu yang menyokong Chin Peng untuk pulang ke tanah tumpah darahku ini, baik yang muda mahupun tua,melulu sahaja menyokong perjuangan Chin Peng, beria-ia mengatakan Chin Peng lah pencetus semangat nasionalisme penduduk Tanah Melayu ini, mungkin kurang membaca atau memang tidak mahu ambil tahu, atau mungkin kerana fanatik sangat, maka apa-apa sahaja yang melibatkan pro-pemikiran kerajaan ditentang habis-habisan, yang menyedihkan apabila mereka adalah orang Melayu sendiri, ada yang lupa diri sejurus mampu bangkit sendiri, dan apabila kami golongan muda bersuara memberi pendapat, maka ramai pula yang suruh kami diam-diam sahaja kerana apa pon yang kami suarakan konon hanya untuk stok bahan ketawa kerana kami buta kata mereka, senang dipengaruhi propaganda, saya senang sekali dengan entri Tun yang ringkas dan padat ini, harap pihak2 yang menyokong perjuangan Chin Peng yang tidak tahu sejarah ini akan take note dengan entri ini kerana mungkin buku teks sekolah dulu sangat tidak menarik atau mungkin juga kerana buku-buku di negara ini tidak cukup.  
tidak menyokong permintaan Chin Peng bukan perkauman tetapi adalah satu tindakan rasional, sejarah tidak pernah menipu kita.  
sed's Gravatar sed  
June 4, 2009 at 2:37 pm | Permalink

Tun,  
Bagi mereka yang tidak pernah melihat kekejaman komunis mungkin tidak begitu tersentuh malah menyokong kepulauan Cheng Peng ke negara ini.Bagaimanapun bagi mereka yang pernah hidup ditahun tahun 70an dan 80an pasti tidak dapat melupakan bagaimana kejamnya komunis.Ramai anggota tentera kita yang terkorban dan tercedera dan hingga hari ini masih menanggung derita.Janganlah kerana hendakkan sokongan politik kita gadaikan segala-galanya.Akhirnya orang kita ini bolehlah diibaratkan menang sorak kampung tergadai.Orang lain amat bijak mengesplotasikan kebodohan kita.Orang politik kita lebih rela diperalatkan berjuang memenuhi agenda orang lain.Hingga kini bangsa kita masih ketinggalan dari pelbagai segi,samada pendidikan,ekonomi dan teknologi.Mengapa kita yang rasa amat bijak berpolitik tidak boleh mempengaruhi ahli-ahli politik bagsa lain untuk memperjuangkan agenda membangunkan bangsa kita?.  
lanbaba's Gravatar lanbaba  
June 4, 2009 at 2:32 pm | Permalink

Salam Tun,  
Tidak ada sebab nama Chin Peng (CP) disebut lagi.Pengerusi Gerakan P.Pinang dah tak ada cara lain nakkan populariti.Sepatutnya dia memikirkan bagaimana nak menguatkan partinya diP.Pinang dan secara langsung memperkuatkan BN.Pemimpin macam ni patut disumbat kedalam je.Dia tidak menghargai jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan dan pasukan keselamatan yang melawan kominis.Jangan layan orang yang semacam

ini. Maafkan saya kerana mungkin lari sedikit daripada topik.

Saya kekadang tertanya-tanya bagaimana konsep Satu Malaysia oleh DSN ini akan berjaya. Kalau ia juga bertujuan untuk menyatukan semua rakyat Malaysia dan mengukuhkan sifat patriotik, maka saya rasa parti-parti politik kena ubah dari berbaur perkauman. Contohnya dalam BN hanya BN saja dan tidak lagi ada parti-parti komponen BN. Tidak ada lagi SRJK hanya Sekolah Kebangsaan kerajaan sahaja. Disini kanak-kanak semua kaum dari kecil lagi dapat bercampur-gaul dan mempelajari benda yang sama. Matapelajaran gunakan bahasa kebangsaan dan saya amat bersetuju matapelajaran Matematik dan Sains diteruskan dalam Bahasa Inggeris. Selain itu matapelajaran bahasa Malaysia, Mandarin, Tamil dan Inggeris dimestikan kepada semua murid. At the end of the day, rakyat Malaysia dapat menguasai 4 bahasa sekurang-kurangnya. Dalam masa yang sama mereka juga dapat memahami lebih baik akan budaya masing-masing sejak dari kecil lagi. Dasar pelajaran seperti ini sepatutnya dimulakan sejak Merdeka lagi.

Saya rasa jika ini dilakukan dulu, kita mungkin tidak mendengar kata-kata seperti "I am Malaysian Chinese atau Malaysian Malay atau Malaysian Indian." Apa yang patut didengar ialah I AM MALAYSIAN!

leading's Gravatar leading

June 4, 2009 at 2:29 pm | Permalink

Tun,

"Forgiveness is God's invention for coming to terms with a world in which, despite their best intentions, people are unfair to each other and hurt each other deeply. He began by forgiving us. And he invites us all to forgive each other." ..Lewis B. Smedes.

Whatever mistakes Chin Peng could have done in the past, we must seriously consider "forgiving" him.

After all he is already 85, not 35 and we are supposed to be serious about 1 Malaysia.

Regards,

<http://www.leading.com.my>

jebatmustdie's Gravatar jebatmustdie

June 4, 2009 at 2:28 pm | Permalink

Salam Tun,

Untuk mengetahui sedikit sebanyak mengenai 'perjuangan' Chin Peng, bolehlah membacanya di sini:

1) <http://jebatmustdie.wordpress.com/2009/01/28/the-atrocities-of-the-freedom-fighters/>

2) <http://jebatmustdie.wordpress.com/2008/12/19/raja-petra-and-his-history-lessons/>

Sesungguhnya, mereka yang tidak menginsafi sejarah akan dipermainkan oleh anasir anasir yang merosakkan.

Terima kasih Tun.

Pulau's Gravatar Pulau

June 4, 2009 at 2:27 pm | Permalink

Dearest Tun

This topic is a boiling issue off late.

The DAP and Penang Gerakan Chairman (Dr. Teng Hock Nan) and also SM Idris of Consumer Association Penang suggested the government to allow Chin Peng to return to Malaysia.

Their proposal is ill intend. They being the immigrated citizen of Malaysia seem to purposely ignore the feeling of majority of the Malays in Malaysia with regard to the subject of PKM.

How can the Malays accept and allow Chin Peng to return to Malaysia when PKM motive was to conquer and rule this country and turn it into communist state.

Like all our arm forces and Home Guard, who has sacrificed their lives defending the country, my ancestors and family members whom have suffered and died fighting the communist will never forgive PKM for their brutality.

Should the government were to reverse their decision on Chin Peng, I'm sure that the Malays will retaliate and take revenge. This country will be in turmoil.

Come what may, we can never forgive.

AloQStaQ's Gravatar AloQStaQ

June 4, 2009 at 2:27 pm | Permalink

Salam untuk Tun berdua (Tun Dr.M & Tun CT)

Tiada siapa yang boleh merubah sejarah. Tun yang kami hormati adalah seorang insan yang berada di zaman itu, Tun pastinya dapat memahami kami sekalian warga Malaysia untuk terus ingat sejarah negara.

Putar belit pembangkang tak main laaa ... Sejarah pun depa sanggup ubah demi menonjolkan diri mereka kepada "sesuatu kaum" agar kelihatan membela & samarata.

Mereka sedaya upaya cuba mempertahankan sesuatu yang berlawanan dengan kehendak & prinsip kerajaan, semata-mata ingin jadi "jaguh" di mata rakyat yang kini sudah terlalu ramai yang sengaja "memejamkan mata" dan "tutup telinga" dari mendengar kebenaran dari pihak Kerajaan.

Jadi, mudahlah mereka meracuni pemikiran rakyat. Dan pembaca akhbar yang bertentangan arus dengan Kerajaan seperti HRKH, RKT, KDILN dan lain-lain lagi akan terus mudah terpedaya, percaya bulat2 songsangan serta putar belit fakta Pakatan.

"Rosak sejarah, rosaklah generasi akan datang"

AloQStaq

<http://AloQStaqBlog.blogspot.com>

<http://www.KMU.net.my>

HOT ZOOM's Gravatar HOT ZOOM

June 4, 2009 at 2:24 pm | Permalink

Salam ,

Artikel Tun bertepatan dengan apa yang generasi muda mahukan. Mereka sekarang terumbang-ambing dengan berbagai cerita tanpa pengajaran akademik.

Saya rasa artikel ini memberi satu bayangan kepada mereka yang masih berfikir songsang.

7. Sebab itu Melayu yang sedikit yang mirip ke kiri pun tidak ingin menyertai MCP. Keadaan dalam MCP sepanjang ia mencuba rebut kuasa, mulanya daripada British dan kemudian daripada Kerajaan Campuran Perikatan dan Barisan Nasional, memberi gambaran akan pemerintahan Chin Peng jika ia berjaya. Orang Cina Komunis akan menjadi pemerintah tetapi Komunis Melayu dengan orang Melayu dan India akan diberi peranan yang kecil dan tidak bermakna sama sekali.

Ini adalah perjuangan orang Melayu yang mahu menghindarkan dari Malaya jatuh ke tangan Komunisme walaupun ideologi British juga ditolak.

<http://www.zoompanas2.com>

,Melayu merantau's Gravatar ,Melayu merantau

June 4, 2009 at 2:19 pm | Permalink

Salam Ayahnda Tun..

Kita seharusnya membuka kembali sejarah perjuangan komunis kepada pemuda-pemuda di Negara .Biar mereka memahami agenda perjuangan PKM yang dipimpin oleh Chin Peng.

Chin Peng mempunyai agenda dia untuk mempengaruhi orang-orang Melayu. Chin Peng telah menjadikan Mou Tze Thung sebagai Idola dia. Majoriti orang melayu menentang PKM dan tidak menerima idelogi PKM.

Pihak Kementerian Penerangan seharusnya memberi penerangan meluas kepada Rakyat Malaysia dengan efektif dan jangan hanya suka menyang filem-filem hindustan saja.

Nampaknya ada agenda untuk menghidupkan semula fahaman ini selepas 50 tahun merdeka. Sekiranya setiap ibubapa melayu tidak memberi cerita sebenar agenda PKM ini kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka, lambat laun Malaysia akan menjadi negara Komunis yang akan merosakkan agama, bangsa dan Melayu.

sylyester kuan's Gravatar sylyester kuan

June 4, 2009 at 2:18 pm | Permalink

Salam sejahtera Tun,

adalah sangat mendukacitakan apabila ada orang yang mengeluarkan kata-kata yang kurang ajar seperti itu. Memandangkan ISA ditubuhkan bagi membanteras komunisme maka tangkap saja semua penyokong komunisme dalam negara.

Walaubagaimanapun saya ingin menambah bahawa kemerdekaan Malaysia bukan merupakan jasa UMNO sahaja tetapi seluruh Barisan Nasional terutamanya UMNO, MCA dan MIC. Jasa yang ditaburkan adalah setimpal.

missleen09's Gravatar missleen09

June 4, 2009 at 2:10 pm | Permalink

Org melayu makin lupa.

Kita makin di tindas oleh bangsa lain dalam senyap.

Org Melayu harus sedar dan bangkit untuk mempertahankan hak kita.

Sikap suka menyokong bangsa lain demi kepentingan poket sendiri akan membawa pada kerugian pada generasi pewaris bangsa akan datang.

NHR's Gravatar NHR

June 4, 2009 at 1:48 pm | Permalink

Salam Buat Tun Sekeluarga, Kalau yg meminta Chin Peng dibenarkan pulang adalah kaum Cina, saya faham bebenor, tapi mcm mana melayu yg tak sedaq diri boleh menyokong atau ada hati lg katakan nahaya Chin Peng lh pejuang kemerdekaan Malaysia????? dh nyayuk ke mereka????? Inilah bukti keadaan masyarakat kita telah teruk. Sejak DSAI keluar dri hotel dia..... mcm2 yg di buatnya..... sampai bila org melayu kita nak sedaq!!!! jgn jadi hamba di bumi sendiri sudahlah.....jgn kerana kuasa sanggup jual maruah diri, keluarga dn bangsa.....

Mustex's Gravatar Mustex

June 4, 2009 at 1:44 pm | Permalink

Tun,

My fervent hope that many more Malaysians should refer to the correct historical facts and data....just in case they doubt what Tun has mentioned in this article. I was browsing several blogs and felt sad that many made comments without really understanding what has happened. Either it is sheer ignorance or just refuse to accept facts. Funny though a number of Malays in Malaysia who believes that Singapore is a much better country to live in!! I really am flabbergasted with this group of Malays. Probably they do not really know how the Malays in Singapore are treated. I remember what my late father said..."only the Japanese were able to teach the Malays how to survive and be creative"...that is referring to how entrepreneurial and creative the Malays were during the Japanese occupation. Some even question why we have strong ties with China and Japan and yet set a double standard by not allowing Chin Peng to return....in fact the explanation given by Dato Rais Yatim also is being mocked!! Guess you cannot please everybody or they purposely try to find fault in whatever is being done. They claim that as a Communist country with 1 billion population China thrives well so what they do must be right. Maybe what these people does not realize is that the Communist leaders has a different life and enjoy better privileges than the normal citizens. Just look at what Chairman Mao and his band of Ministers and high ranking officials enjoy!!

History lessons for everyone....the true facts of history is in order so as to circumvent anymore misguided thoughts!!

thebigdipper's Gravatar thebigdipper

June 4, 2009 at 1:40 pm | Permalink

Aslmkm Tun,

Terima kasih kerana sudi memberi penjelasan. Inilah sebabnya mengapa subjek sejarah perlu dipelajari di sekolah secepat mungkin. Ini adalah supaya generasi akan datang tidak mudah disesatkan kerana buta sejarah.

Orang2 cina umumnya tahu siapa chin peng. Mereka juga pada zaman itu turut menderita, angkara keganasan dan kezaliman komunis.

Cumanya sekarang, disebabkan kelemahan pentadbiran AAB dahulu, kumpulan2 ekstremis dan chauvanis dikalangan kaum cina lebih berani bersuara lantang. Dengan alasan M'sia sekarang lebih terbuka dan demokratik. Bullshit!

Janganlah keterbukaan

K'jaan disalah erti atau ada pihak yang berkepentingan sempit menyalahgunakannya bagi merosakan perhubungan antara kaum.

Saya khuatir kalau najib tidak tegas berani, terlampau mengejar populariti, puak2 pelampau ini bukan sahaja boleh mengugat malah memporak porandakan negara ini.

Alhamdulillah,

Kerajaan telah membuat pendiriannya yang jelas dan tegas dalam perkara chin peng ini.

Syah AZis's Gravatar Syah AZis

June 4, 2009 at 1:35 pm | Permalink

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saya terpanggil untuk memberikan pandangan berhubung perkara yang diutarakan oleh Yang Berbahagia Tun..... Sebagai generasi yang lahir pasca kemerdekaan, tidak ada pengalaman pahit maung yang boleh saya kongsi dengan pembaca sekalian berhubung bintang tiga.

Tetapi saya lebih dari bersetuju dgn Y.Bhg Tun dalam hal ini kerana dengan senario politik negara ketika ini, tiada apa yg lebih penting selain dari mengutamakan kepentingan dan kebajikan rakyat.

Jgnlah ada pihak yg cuba membakar sentimen perkauman dan memanipulasi isu-siu sensitif yang boleh menggugat kestabilan kontrak sosial yang sekian lama terjalin dan tersimpul dlm liputan sejarah kita.

Cukuplah dgn keperitan dan kesengsaraan org terdahulu. Biarlah sejarah tinggal sejarah. Kita seharusnya belajar dari sejarah dan bergerak terus ke hadapan dengan sejarah menjadi pedoman agar kita tidak tersesat dgn perjuangan politik sempit yang hanya akan membawa negara ke arah kehancuran.

Kita boleh berbalah pendapat selagi ianya tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kaum. Semoga dgn bimbingan dan nasihat daripada Y.Bhg. Tun, kerajaan hari ini akan terus meneruskan misi membela nasib rakyat seterusnya membawa Malaysia kembali ke prestasi terbaik seperti yg pernah dicapai sebelum ini. Sekian, wassalam...

ayikontuit's Gravatar ayikontuit

June 4, 2009 at 1:34 pm | Permalink

Ya betul kata Faiz banyak kerosakan sudah berlaku semasa pemerintahan sebelum ini...satu tugas berat buat Dato' Seri Mohd Najib memperbetulkan...semoga Allah s.w.t. memberkati usaha Dato' Seri!

Fazil77's Gravatar Fazil77

June 4, 2009 at 1:32 pm | Permalink

Askm Tun...

Saya amat bimbang kerana ada kumpulan cuba memberi tempat kepada perjuangan komunis...

Adakah mereka mengambil kesempatan diatas perpecahan orang melayu pada masa kini???

Adakah pihak pembangkang dr kalangan org melayu hanya membutuhkan mata dlm hal ini kerana ini dapat memberi kelebihan pada mereka???

Tapi bila org melayu UMNO khususnya membuka sejarah asal usul kaum cina dan india mereka dituduh bersifat perkauman.....

Wahai Pembangkang Melayu sedarlah..

Jgn la kita menang bersorak

Kampung tergadai....

SiMataSepet's Gravatar SiMataSepet

June 4, 2009 at 1:31 pm | Permalink

salam Tun..

Kenapa orang Melayu tak sedar-sedar lagi!!

ramji's Gravatar ramji

June 4, 2009 at 1:27 pm | Permalink

Salah siapa rakyat sekarang lupa sejarah kita... cuba fikir betul – betul, apakah buku sejarah di sekolah menengah sekarang ini mengandungi sejarah yang betul. Cuba mengimbas balik buku sejarah awal 80an kemudian 90an dan sekarang ia jauh beza dengan antara satu sama lain. Buku sejarah sekarang semata – mata untuk membanggakan satu kelompok sahaja. Salah siapa tepuk dada tanya sendiri.

damreza's Gravatar damreza

June 4, 2009 at 1:25 pm | Permalink

Bila kita dibutakan tentang sejarah yang sebenarnya ramai akan mengambil peluang atas kapasiti politik semata-mata. Tanpa kita sedar sebenarnya ada individu @ pertubuhan @ organisasi yang ingin meluaskan ideologi kebebasan bersuara dan meminta yang bukan-bukan. Di harap tiada yang akan memikirkan Malaysia untuk kepentingan sendiri sahaja.

kamal ahmad's Gravatar kamal ahmad

June 4, 2009 at 1:25 pm | Permalink

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

Essential goods prices are spiraling up and up again. What is the government doing? Wasting time trying to level things off and trying to talk sense into the retailer

Hajar's Gravatar Hajar

June 4, 2009 at 1:25 pm | Permalink

Salam YAB dan Di Kasih Tun,  
Seboleh mungkin MEREKA YANG MENYOKONG CHIN PENG & KOMUNISMA akan cuba merobah SEJARAH Malaysia.  
AMAT KELAKAR bila Chin Peng dikatakan sebagai pejuang kemerdekaan yang terawal...Kah! Kah! Kah! Very FUNNY!

\*\* Semoga Tun sekeluarga dirahmati Allah SWT \*\*

afag's Gravatar afag

June 4, 2009 at 1:22 pm | Permalink

Selamat tengahari Tun...

members chedet.com...

Please do read this true story...it's relevan to this matter...relate to why and what is happening in Malaysia politics now, those problems and hot issues uprising by the extrem groups and by some individual...(nak jadi jaguh kot...jaguh kampung yang terselindung maksud dan tersirat niat dan hasrat)...

1. Recently there has been an uproar over some section of the Malaysian political parties that are advocating the return of a well known man that has been EXCILED from Malaysia forever, Chin Peng.

2. For those that has not learn their history, or a non Malaysian, or even an ignorant Malaysian, Ching Peng was the leader of the

Abdullah Ismail's Gravatar Abdullah Ismail

June 4, 2009 at 1:21 pm | Permalink

SAYA SETUJU SEPENUHNYA PANDAPAT Y.BHG TUN. Kalau MCP berjaya, Malaysia sudah menjadi macam Singapura: Melayu hilang segalanya.Cuma menjadi hiasan saja! Semoga Y.Bhg Tun & isteri terus sihat sejahtera!

zebramones's Gravatar zebramones

June 4, 2009 at 1:20 pm | Permalink

jangan sekali-kali benarkan Chin Peng pulang ke Malaysia.

NSZ's Gravatar NSZ

June 4, 2009 at 1:09 pm | Permalink

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Tentang Chin Peng ini, janganlah kita semua melatah,

ada bagusnya juga kalau dia dibenarkan pulang.

Chin Peng adalah seorang penjenayah negara, biarkanlah dia pulang. Senang sikit kita menangkapnya, mendakwanya dan menghukumnya dengan hukuman yang setimpal.

Janganlah kita semua melompat macam orang yang tidak waras bila ada yang minta dia pulang. Bila lagi UMNO, Askar Wataniah, Polis dan mangsa kekejaman Komunis dapat menuntut hutang piutang darah yang mereka bayar semasa zaman kekejaman komunis dulu??

Masih panas lagi kisah Bukit Kepung.....

Marilah kita bersama sama menyambut kepulangan Chin Peng dengan Black Maria....

Moga Allah sentiasa mangasihani kita...

shearir's Gravatar shearir

June 4, 2009 at 1:07 pm | Permalink

Salam Tun.

Inilah jadinya sekiranya matapelajaran Sejarah sudah menjadi sejarah...

icucu tok buyung's Gravatar icucu tok buyung

June 4, 2009 at 1:06 pm | Permalink

TUN.

Akhir nya TUN bersuara juga tentang isu Chin Peng. Walaupun pendek ulasan TUN akan hal sebenarnya Chin Peng dan parti komunis ini sudah cukup untuk rakyat Malaysia melihat sejarah sebenarnya.

Dan sekarang terpulung lah pada rakyat Malaysia untuk menilaikan siapa yang harus di lihat perjuangan sebenar negara Tanah Melayu ketika itu sehingga Tanah Melayu dapat kemerdekaan dari British dan di perintah secara amalan demokrasi oleh anak bumi sejati. Atau sebaliknya jika PKM yang berkuasa ketika itu maka Tanah Melayu sudah pasti di bawah kuasa komunis. Dan kehidupan rakyat tidak lebih dari rakyat negara2 yang di kuasai pemerintahan komunis bersifat kuku besi dan diktator seperti Korea Utara, Kemboja dan Vietnam ketika itu. Mundur dan kebelakang pelbagai aspek kehidupan.

Sudah pasti orang2 Melayu sebagai penduduk asal negara ini akan hilang identiti nya. Maka lahir lah sebuah lagi Mini China di Tenggara Asia selain Singapura.

Anak2 muda generasi sekarang perlu melihat betapa baik nya nasib mereka kerana telah di lahirkan didalam sebuah negara yang demokrasi, aman dan boleh di anggap sebuah negara yang maju. Ini adalah usaha dan perjuangan datuk nenek mereka terdahulu dan mesti di kenang. Mereka mesti mempertahankan nya sehingga ke generasi akan datang. UMNO mesti di pertahankan jika mahu identiti Melayu tidak mahu hilang. UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman lah yang telah bertanggung jawab memerdekakan Tanah Melayu dari British ketika itu. Sebelum itu perjuangan orang Melayu telah di dahului dan di mulakan oleh perjuang2 Melayu seperti Datuk Bahaman, Mat Daud Kilau, Datuk Maharaja Lela dan lain2.

Jika orang Melayu ketika itu tidak memulakan tentangan terhadap British mungkin Tanah Melayu telah diserahkan kepada bangsa lain atau pun menyerah nya pada PKM.

Pemimpin2 UMNO yang ada sekarang mesti lah terus mempertahankan kan negara ini. Walau pun terdapat parti2 orang Melayu yang lain masa ini namun agak mencurigakan perjuangan mereka untuk mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama.

Parti2 ini lebih cenderung untuk mengadaikan negara, bangsa dan agama semata2 untuk kepentingan perjuangan peribadi.

7SenChat's Gravatar 7SenChat

June 4, 2009 at 1:01 pm | Permalink

Dear Tun,

1. I was sad and somber over the intention of certain squatters that support Chin Peng and to bring him home.
2. As a full time history tutor, I strongly agree that such notion is illogical and out of question.
3. The person who suggest such, as we all know who, should be punished to attend history lessons.
4. At the same time, it has shown us that our history teaching system has partially failed to nurture 100% patriotism among the MALaysiam.
5. May Tun be healthy and happy.

From: 7SenChat

Yahya Khan's Gravatar Yahya Khan

June 4, 2009 at 12:49 pm | Permalink

Dear Tun,

People still wonder that what actually had happened during the counting of votes of Umno Youth elections and why it took more than 6 hours just to count 700+ votes ????????

Besides, people also question why KJ was allowed to contest despite being convicted for the charge same as the Datuk Mohd Ali Rustam who was banned from Umno elections, why two treatments for the same crime??????

UMNO has to answer these questions or else disappear from the centre of power in the next PRU.

Salaam.

nmjnh's Gravatar nmjnh

June 4, 2009 at 12:46 pm | Permalink

Apakah perbezaan ahli Melayu dengan ahli bukan Melayu yang menganggotai PKM? Kenapa segelintir ahli PKM Melayu diterima kembali keMalaysia spt Samsiah Fakeh?

4. Chin Peng bukanlah orang yang pertama yang memberontak melawan British. Sebelum Parti Komunis Malaya (PKM atau MCP – Malayan Communist Party), sudah ada Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang bergerak sebelum Perang Dunia II. Mereka tidak mendapat sokongan penuh daripada orang Melayu Semenanjung kerana mereka cenderung ke kiri. Dengan itu perjuangan mereka tidak begitu berhasil. Namun terdapat beberapa pertubuhan yang secara tidak langsung mewarisi perjuangan mereka. Malay Nationalist Party atau Party Kebangsaan Melayu, Angkatan Belia Insaf dan Putera adalah di antara pertubuhan yang meneruskan perjuangan KMM. Mereka juga tidak mendapat sokongan daripada majoriti orang Melayu kerana disyaki dipengaruhi oleh Komunis.

Jika UMNO hanya wujud selepas mereka yang dinyatakan seperti diatas, kenapa perjuangan mereka sebelum

UMNO tidak dinyatakan secara ilmiah khusus dalam sejarah kemerdekaan tanahair?

mfaiz83's Gravatar mfaiz83

June 4, 2009 at 12:37 pm | Permalink

Sekarang ada pula orang Melayu membela Chin Peng ini,  
Kena buat sesuatu Tun,  
mereka-mereka ni makin melampau.  
orang Melayu mudah lupa,  
mereka tidak mahu tegas dalam mempertahankan hak dan sensitiviti Melayu,  
berapa kerat je yang datang untuk Pertubuhan perkasa?  
2000 lebih jer?  
Bukanlah mahu menjadi perkauman,  
tetapi isu ini tidak pernah timbul dahulu yakni di zaman pemerintahan Tun Dr M,  
Banyak kerosakkan yang berlaku selepas pemerintahan Tun AAB.  
Saya lebih selesa membaca Blog Tun dalam memperjuangkan bangsa kita.  
Kerana Tun lebih tahu dan pernah hidup di zaman pemerintahan Penjajahan Jepun,  
Makanya tun lebih memahami keperitan hidup di Zaman penjajah  
Moga Allah panjangkan usia Tun dan keluarga.

**<http://chedet.cc/blog/?p=268>**